

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 29.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah yang dipilih sebagai Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) mengikut negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia. Senaraikan nama sekolah yang dipilih di negeri Perak dan nyatakan jumlah kos PAK-21 yang dibelanjakan untuk program ini di Perak dan di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermaksud proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis serta kreativiti (4K) dan aplikasi nilai dan etika (1N). Sekolah dan guru dibimbing untuk melaksanakan PAK21 melalui peranan pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah serta SISC+. Semua sekolah perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan konsep PAK21 yang telah ditatarkan.

Sebagaimana dalam pengumuman Bajet 2018 oleh YAB Perdana Menteri, sebanyak RM190 juta akan disediakan untuk membolehkan KPM menyediakan 2,000 bilik darjah pintar di 1,000 buah sekolah dengan persekitaran yang menggalakkan pembinaan kemahiran abad ke-21.

RJM86